

UPM pamer 100 produk reka cipta, inovasi

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) berharap teknologi, produk rekaan dan penyelidikan institusi pengajian tinggi berkenaan mendapat perhatian industri berkaitan untuk dikomersialkan di pasaran menerusi Ekspo Inovasi Malaysia 2013 (MIExpo).

Pameran yang berlangsung dari 26 hingga 28 Sep-

tember itu akan memperkenalkan kira-kira 100 produk merangkumi hasil reka cipta, inovasi serta penyelidikan universiti berkenaan di Dewan Banquet UPM.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM Profesor Datuk Dr Mohd Saleh Jaafar berkata, pameran itu diharap menjadi platform institusi ber-

kenaan untuk mengumpul hasil reka cipta daripada peringkat sekolah rendah hingga ke universiti dengan memberi tumpuan lebih kepada kehadiran pengunjung.

“Pihak universiti mensasarkan perhatian industri untuk meng-

komersialkan teknologi UPM menerusi pengisian program seperti pembentangan hasil penyelidikan, padanan perniagaan dan perkongsian teknologi dari industri pertanian,” katanya.

Beliau berkata, antara

inovasi yang dipamerkan membabitkan bidang pertanian dan makanan, sains gunaan dan kejuruteraan, biosistem dan bioteknologi, perniagaan, ekonomi serta alam sekitar dan tenaga.

Menurutnya, 30 sekolah dari seluruh negara juga akan mempertandingkan rekaan inovasi masing-masing dalam ekspo berkenaan.

FAKTA
Pameran
berlangsung dari
26 hingga 28
September